

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

AAW 322 - Perakaunan Kewangan Lanjutan 2

Masa : [2 jam]

ARAHAN :

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM (6)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1

Nenda Bhd. ditubuhkan pada 1 Januari 1999 dan pada hari yang sama melabur dalam 60% saham Bapa Bhd. iaitu syarikat yang telah membeli 80% saham Anak Bhd. pada hari yang sama. Pada hari tersebut, rizab-rizab syarikat-syarikat subsidiari berkenaan adalah seperti berikut:

Bapa Bhd.	RM2,000,000
Anak Bhd.	RM1,000,000

Berikut adalah kunci kira-kira syarikat-syarikat Nenda Bhd., Bapa Bhd. dan Anak Bhd. pada 31 Disember 1999.

Kunci Kira-Kira Syarikat

	Nenda Bhd. RM'000	Bapa Bhd. RM'000	Anak Bhd. RM'000
ASET TETAP	1,567	1,025	1,744
PELABURAN DALAM SUBSIDIARI	9,857	7,254	0
ASET SEMASA	1,222	2,487	5,339
LIABILITI SEMASA	<u>1,646</u>	<u>2,766</u>	<u>1,083</u>
	11,000	8,000	6,000

...2/-

PINJAMAN JANGKA PANJANG	<u>1,000</u> <u>10,000</u>	<u>2,000</u> <u>6,000</u>	<u>1,000</u> <u>5,000</u>
MODAL SAHAM	10,000	2,000	1,000
RIZAB	<u>0</u> <u>10,000</u>	<u>4,000</u> <u>6,000</u>	<u>4,000</u> <u>5,000</u>

Berikut adalah maklumat-maklumat penting berkenaan kumpulan Nenda Bhd.

- (i) Di dalam aset tetap syarikat Bapa Bhd. yang dicatatkan pada kos sejarah dan dikurangkan susutnilai terkumpul, termasuk sebidang tanah bernilai RM500,000 yang dibeli 5 tahun lalu. Mengikut, anggaran Penilai Professional, tanah tersebut kini mempunyai nilai pasaran RM1,500,000.
- (ii) Syarikat Nenda Bhd. telah menjual stok kepada Anak Bhd. pada harga RM1,250,000. Syarat jualan tersebut adalah pada kadar kos ditambah 25%.
- (iii) Bapa Bhd. telah mengisytiharkan dividen 50% kepada pemegang saham. Nenda Bhd. belum mengambilkira dividen tersebut di dalam akaunnya.
- (iv) Termasuk dalam pinjaman jangka panjang Bapa Bhd. adalah pinjaman sebanyak RM200,000 dari Nenda Bhd. Nenda Bhd. telah mengambilkira pinjaman tersebut sebagai aset semasa.
- (v) Kunci Kira-Kira anak syarikat dihasilkan menerusi akaun pengurusan yang dibuat sehingga akhir tahun kewangan Nenda Bhd. Sebenarnya, tahun kewangan kumpulan Bapa Bhd. berakhir pada bulan November.

Dikehendaki:

- (a) Berikan definisi anak syarikat mengikut Akta Syarikat 1965.
[4 markah]
- (b) Sediakan Kunci Kira-Kira yang disatukan untuk kumpulan Bapa Bhd. pada 31 Disember 1999.
[9 markah]
- (c) Sediakan Kunci Kira-Kira yang disatukan untuk kumpulan Nenda Bhd. pada 31 Disember 1999.
[12 markah]

...3/-

- (d) Jika kumpulan Bapa Bhd. ingin menggunakan akaun kewangan bagi tahun yang berakhir pada bulan November sebagai ganti akaun pengurusan yang dibuat hingga bulan Disember, adakah prosedur ini dibenarkan oleh Piawaian Perakaunan Antarabangsa (IAS) 27? Sila bincangkan kelonggaran-kelonggaran yang dibenarkan oleh piawaian tersebut.

[5 markah]

Soalan 2

Pada 1 Julai 1999, Susah Bhd. telah berjaya mendapat persetujuan Mahkamah Tinggi untuk melaksanakan perintah Larangan dan Sekatan (LS) dibawah seksyen 176(10) Akta Syarikat 1965. Tujuan LS ini adalah untuk merasmikan skim kompromi atau penyusunan bagi kelulusan pemiutang atau ahli-ahli. LS tersebut melarang dan menghalang sebarang tindakan undang-undang terhadap Susah Bhd. selama 6 bulan. Kunci Kira-Kira Susah Bhd. pada 31 Disember 1999 adalah seperti berikut:

	RM'000	RM'000
Aset tetap		
<i>Aset bukan nyata</i>		
Muhibah	10,000	
Perbelanjaan pembangunan	<u>15,000</u>	25,000
<i>Aset nyata</i>		
Tanah dan bangunan	22,000	
Perabot dan Kelengkapan	3,000	
Kenderaan Bermotor	<u>10,000</u>	<u>35,000</u>
		60,000
Aset semasa		
Stok	14,000	
Penghutang Dagangan	22,000	
Lain-lain penghutang, deposit dan bayaran terdahulu	<u>4,000</u>	
	<u>40,000</u>	
Liabiliti semasa		
Pemiutang Dagangan	60,000	
Overdraf bank (tidak bercagar)	10,000	
Pinjaman bank (cagaran: tanah dan bangunan)	<u>20,000</u>	
	<u>90,000</u>	
Liabiliti semasa bersih		(50,000)
		<u>10,000</u>
Modal dan Rizab		
Modal saham (RM1 setiap saham biasa)		20,000
Premium saham		5,000
Akaun Untung Rugi		<u>(15,000)</u>
		<u>10,000</u>

...4/-

Skim kompromi berikut dicadangkan:

- (a) Nilai saham biasa akan dijadikan 10 sen setiap saham dan kemudiannya dikonsolidasikan menjadi saham RM1.
- (b) Sejurus selepas prosedur di atas, pemegang saham akan membeli saham mengikut skim terbitan hak pada harga RM1 setiap satu saham pada kadar 4 saham baru untuk setiap saham selepas langkah (a) di atas.
- (c) Tahap overdraf bank akan dikekalkan buat masa ini walaupun sebarang wang tunai yang di terima oleh syarikat akan digunakan untuk merendahkan overdraf tersebut. Pinjaman bank akan dijadikan bon pinjaman pada kadar faedah 10% dan akan berbayar selepas genap 5 tahun.
- (d) Semua baki di dalam akaun muhibah, akaun premium saham dan akaun untung rugi akan di lenyapkan.
- (e) Perbelanjaan pembangunan di anggap mempunyai potensi untuk meraih keuntungan melebihi nilai kos tersebut.
- (f) Aset yang lain akan dinilai semula pada nilai-nilai berpatutan seperti berikut:

	RM'000
Tanah dan bangunan	30,000
Perabot dan Kelengkapan	3,000
Kenderaan Bermotor	10,000
Stok	10,000
Penghutang Dagangan	20,000
Lain-lain penghutang, deposit dan bayaran terdahulu	4,000

Segelintir pemegang saham merancang untuk membangkang skim berkenaan dan lebih berminat untuk menerima tawaran Perolehharta Bhd. untuk membeli semua aset Susah Bhd. pada harga RM10,000,000. Adalah dianggarkan bahawa syarikat mampu memperolehi keuntungan sebelum faedah pada purata sebanyak RM7,000,000 setahun jika skim tersebut diterima.

Dikehendaki:

- (a) Bincangkan tujuan kerajaan mengadakan seksyen 176 Akta Syarikat 1965. [5 markah]
- (b) Sediakan Kunci Kira-Kira Susah Bhd. pada 31 Disember 1999 jika skim itu diterima. [15 markah]

...5/-

- (c) Tulis satu laporan kepada pemegang-pemegang saham untuk menjelaskan samada mereka patut atau tidak patut menyokong skim tersebut.

[10 markah]

Soalan 3

Berikut adalah kunci kira-kira syarikat-syarikat Atas Bhd., Bawah Bhd. dan Sisi Bhd. pada 31 Disember 1999 sejeurus selepas Atas Bhd. melabur sebanyak 100% saham Bawah Bhd. dan 25% saham Sisi Bhd.

Kunci Kira-Kira Syarikat

	Atas Bhd. RM'000	Bawah Bhd. RM'000	Sisi Bhd. RM'000
ASET TETAP	9,388	3,771	2,154
PELABURAN DALAM SUBSIDIARI	2,000	0	0
PELABURAN DALAM SEKUTU	1,000	0	0
ASET SEMASA	9,454	1,784	3,993
LIABILITI SEMASA	(1,842)	(1,555)	(2,147)
	<u>20,000</u>	<u>4,000</u>	<u>4,000</u>
PINJAMAN JANGKA PANJANG	(1,000)	(1,000)	(2,000)
	<u>19,000</u>	<u>3,000</u>	<u>2,000</u>
MODAL SAHAM	10,000	2,000	1,000
RIZAB	<u>9,000</u>	<u>1,000</u>	<u>1,000</u>
	<u>19,000</u>	<u>3,000</u>	<u>2,000</u>

Berikut adalah maklumat-maklumat penting berkenaan kumpulan Atas Bhd.

- (i) Atas Bhd. telah memperolehi saham dalam Bawah Bhd. melalui pertukaran saham di mana satu saham Bawah Bhd. di tukar dengan satu saham Atas Bhd. pada nilai muka saham-saham tersebut.
- (ii) Atas Bhd. telah memperolehi saham dalam Sisi Bhd. melalui pembelian terus menerus.

...6/-

- (iii) Mengikut, anggaran Penilai Professional, aset tetap Bawah Bhd. jika dicatat pada nilai pasaran kemungkinan mempunyai nilai tambahan sebanyak RM1,000,000.
- (iv) Bawah Bhd. telah menjual stok kepada Atas Bhd. pada harga RM600,000. Syarat jualan tersebut adalah pada kadar kos ditambah 50%.

Dikehendaki:

- (a) Berikan definisi dan penentuan syarikat sekutu mengikut IAS 28. [4 markah]
- (b) Berikan definisi dan penentuan percantuman mengikut MAS 2. [4 markah]
- (c) Sediakan Kunci Kira-Kira yang disatukan untuk kumpulan Atas Bhd. pada 31 Disember 1999. [12 markah]
- (d) Sila berikan ekstrak nota kepada akaun di dalam penyata kewangan Atas Bhd. berhubung dengan syarikat Sisi Bhd. Jelaskan pendedahan yang diwajibkan oleh Akta Syarikat 1965 dan piawaian-piawaian yang berkaitan. [5 markah]

Soalan 4

“Piawaian Perakaunan Antarabangsa (IAS) 14: Melaporkan maklumat kewangan secara segmen” adalah bertujuan untuk membantu para pengguna penyata-penyata kewangan memahami dengan lebih mendalam lagi akaun yang dilaporkan.

Dikehendaki:

- (a) Jelaskan bagaimana garis panduan ini boleh digunakan di dalam penyediaan penyata kewangan. Markah akan diberi untuk contoh-contoh yang sesuai yang menunjukkan pendedahan yang di syorkan oleh piawaian tersebut. [10 markah]
- (b) Pada pendapat kamu, adakah piawaian tersebut berkesan? [5 markah]

---ooo000ooo---